



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 19 MEI 2019

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	KPDHEP JAMIN BEKALAN MAKANAN UTAMA MUSIM PERAYAAN MENCUKUPI, NEWS, BERNAMA -4 KPDNHEP: BEKALAN MAKANAN UTAMA MUSIM PERAYAAN CUKUP, NEWS, SELANGOR KINI -10 KPDNHEP JAMIN BEKALAN MAKANAN UTAMA MUSIM PERAYAAN MENCUKUPI, NEWS, ASTRO AWANI -7 BEKALAN MAKANAN UTAMA MUSIM PERAYAAN MENCUKUPI – KPDNHEP, NEWS, SARAWAK VOICE -10 SUFFICIENT SUPPLY OF ESSENTIAL FOOD ITEMS DURING FESTIVE SEASONS – MINISTER, NEWS, BERNAMA -4 MINISTER: SUFFICIENT SUPPLY OF ESSENTIAL FOOD ITEMS DURING FESTIVE SEASONS, NEWS, MALAY MAIL -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
7. 8. 9. 10.	MENTERI: LAPORAN PENIPUAN BUKTIKAN PENGHARAMAN GUARANA DI SABAH TEPAT, NEWS, FREE MALAYSIA -6 PERANGKAP GUARANA, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -2 GUARANA ANCAM INDUSTRI GETAH NEGARA, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -3 WONG TACK FLYING TO ZHENG ZHOU PROMOTING BENTONG MUSANG KING BRAND, NEWS, NANYANG SIANG PAU -B2	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	123 AWAK-AWAK WARGA VIETNAM DITAHAN CEROBOKH PERAIRAN NEGARA, SEMASA, KOSMO -6 JOINT TASK FORCE SCORES BIG SUCCESS, NATION, SUNDAY STAR -12 MALAYSIA – VIETNAM CARI JALAN PENYELESAIAN, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -69 METERAI MOU, SETEMPAT, METRO AHAD -24 MOU DENGAN VIETNAM ATASI PENCEROBOHAN NELAYAN, DASAR & PENTADBIRAN, BH -3 OVER 100 ILLEGAL FISHERMEN FROM VIETNAM ARRESTED WITHIN HALF MONTH, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A14 25 FISHING BOATS DETAINED, 123 VIETNAMESE ARRESTED, HOME, BORNEO POST -2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
18.	CUBAAN SELUDUP 50 EKOR IKAN FLOWER HORN GAGAL, DALAM NEGERI, UM -67	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
19.	GERAMAN JAMIT PETANI FERTIGASI GIGIH, STAIL, MINGGUAN SARAWAK -1	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN (MARDI)
20. 21. 22. 23. 24. 25. 26. 27.	KAPAL PUNCA PANTAI BERLUMPUR, MUKA DEPAN, BH -1 OMBAK BUATAN JEJAS DASAR, EKOSISTEM LAUT, EKSKLUSIF, BH -6 PEMBANGUNAN JANGKA PANJANG TAK TERANCANG GANGGU SUNGAI, EKSKLUSIF, BH -7 SYED SADDIQ GESA NELAYAN TERIMA UGUTAN, ANCAMAN LAPR SPRM, NEWS, ISMAWEB -8 PUKAT TUNDA HARAM: NELAYAN DIUGUT SETELAH BERI MAKLUMAT – SYED SADDIQ, NEWS, MALAYSIA GAZETTE -10 PUKAT TUNDA HARAM: NELAYAN DIUGUT SETELAH BERI MAKLUMAT, NEWS, SELANGOR KINI -10 ILLEGAL TRAWLERS: FISHERMEN ASKED TP PROVIDE EVIDENCE OF BEING THREATENED AFTER GIVING INFO, NEWS, BERNAMA -4 ILLEGAL TRAWLERS: MUAR FISHERMEN ASKED TP PROVIDE EVIDENCE OF BEING THREATENED AFTER, NEWS, MALAY MAIL -3	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	KPDNHEP jamin bekalan makanan utama musim perayaan mencukupi		
MediaTitle	Bernama(www.bernama.com)		
Date	19 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

KPDNHEP jamin bekalan makanan utama musim perayaan mencukupi

KOTA BHARU, 19 Mei (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan makanan utama termasuk ayam, telur dan kelapa adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	KPDNHEP: Bekalan makanan utama musim perayaan cukup		
MediaTitle	Selangorkini (https://selangorkini.my/)		
Date	19 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

KPDNHEP: Bekalan makanan utama musim perayaan cukup

KOTA BHARU, 19 MEI: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan makanan utama termasuk ayam, telur dan kelapa adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.
Menter...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	KPDNHEP jamin bekalan makanan utama musim perayaan mencukupi		
MediaTitle	Astro Awani (www.astroawani.com)		
Date	19 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	7	Readership	4
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

KPDNHEP jamin bekalan makanan utama musim perayaan mencukupi

KOTA BHARU : Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan makanan utama termasuk ayam, telur dan kelapa adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.
Menterinya Sa...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Bekalan makanan utama musim perayaan mencukupi – KPDNHEP		
MediaTitle	Sarawak Voice (sarawakvoice.com)		
Date	19 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Bekalan makanan utama musim perayaan mencukupi – KPDNHEP

KOTA BHARU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan makanan utama termasuk ayam, telur dan kelapa adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.
Menterinya Sai...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Sufficient supply of essential food items during festive seasons - Minister		
MediaTitle	Bernama(www.bernama.com)		
Date	19 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

Sufficient supply of essential food items during festive seasons - Minister

KOTA BHARU, May 19 (Bernama) -- The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has assured that there would be sufficient supply of essential food items during this year's festive seasons. Minister Saifuddin Nasution Ismail said the ministry and the Ag...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Minister: Sufficient supply of essential food items during festive seasons		
MediaTitle	Malay Mail(www.malaymail.com)		
Date	19 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	3	Readership	6
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,500
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,500

Minister: Sufficient supply of essential food items during festive seasons

KOTA BARU, May 19 — The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has assured that there would be sufficient supply of essential food items during this year's festive seasons. Minister Saifuddin Nasution Ismail said the ministry and the Agriculture an...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Menteri: Laporan penipuan buktikan pengharaman guarana di Sabah tepat		
MediaTitle	Free Malaysia Today(www.freemalaysiatoday.com)		
Date	19 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	6	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,050
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,150

Menteri: Laporan penipuan buktikan pengharaman guarana di Sabah tepat

Guarana berasal daripada lembah Amazon dengan bijinya mengandungi 2 kali kandungan kafein berbanding biji kopi. (Gambar Facebook)

KOTA KINABALU: Keputusan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah tidak membenarkan skim guarana memasuki Sabah terb...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2019	MINGGUAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	2

Ramai mangsa kelabu mata angka keuntungan

Perangkap guarana

Oleh HADI AB. MANAP
dan ZULHILMI ZAINAL
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 18 MEI

HANYA dengan modal RM52,500, boleh jana pendapatan sehingga RM1.8 juta dalam tempoh lapan bulan.

Itulah janji manis seorang lelaki bergelar Datuk yang didakwa licik memanipulasi keadaan sekali gus berupaya memperdaya ratusan petani di negara ini bagi melibatkan diri dengan tanaman guarana.

Difahamkan, wang RM52,500 itu adalah sebagai modal permulaan bagi pembelian 300 anak pokok guarana untuk tanaman keluasan satu ekar tanah, mangsa yang rata-ratanya peke-



Laporan
KHAS

bun kecil dan pesara mudah kelabu mata dengan angka keuntungan dijanjikan itu.

Menurut sumber, bagi meyakinkan mangsa, syarikat milik Datuk itu memberikan jaminan akan membeli semua hasil dengan harga tinggi iaitu sebanyak RM150 sekilogram.

Malah, semakan terkini wartawan *Mingguan Malaysia* pada laman Facebook syarikat itu turut mendapati harga pembelian ditawarkan adalah RM80 sekilogram.

Dalam pada itu, sumber tersebut yang juga seorang mangsa memaklumkan, memandangkan buah guarana

hanya boleh dituai selepas tujuh hingga lapan bulan, Datuk berkenaan turut menawarkan pembelian daun tanaman terbabit pada harga RM30 sekilogram.

“Datuk ini memang licik. Untung berjuta siapa yang tidak terpicik. Dia dakwa daripada RM1.8 juta perolehan kasar, jika ditolak kos operasi sekitar RM300,000 petani akan dapat bersih RM1.5 juta.

“Ada petani persoalkan kenapa untung tinggi sangat? Datuk itu jawab dia ada kilang yang hasilkan produk-produk guarana jadi dia perlukan bahan mentah. Walhal kilang kopinya di Kedah telah pun ditutup,” katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Utusan Malaysia hari ini me-



POKOK guarana.



GUARANA

laporkan petani yang sebelum ini mengusahakan tanaman getah dan kelapa sawit di Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak kini kebingungan selepas ladang guarana yang diusahakan masih tidak mendapat kelulusan Jabatan Pertanian.

la berikutan pengimportan biji benih dan anak pokok oleh syarikat Datuk terbabit masih 'tergantungan' atau berstatus tidak dibenarkan walaupun ia telah diperkenalkan sejak tujuh tahun lalu dan tawaran demi tawaran untuk pembukaan tanah tetap berjalan rancak.

Sumber turut mendakwa, syarikat itu tidak mempunyai sebarang kilang pemrosesan guarana di negara ini berikutan tapak kilang di Kedah sudah ditarik balik meskipun majlis pecah tanah sudah dilaksanakan.

Dakwanya, ia berikutan syarikat dipercayai gagal untuk membuat pembayaran deposit pembelian tanah.

"Bahkan syarikat Datuk ini juga tidak mempunyai mana-mana tenaga pakar teknikal yang bekerja sepenuh masa dengan mereka untuk menyiapkan kilang pemrosesan selain pembelian mesin-mesin pengilangan termasuk penghasilan produk akhir berasaskan guarana," jelasnya.

Guarana ancam industri getah negara

KUALA LUMPUR 18 Mei - Tindakan membangunkan tanaman guarana tanpa kelulusan Jabatan Pertanian dikhuatiri akan menyebabkan industri getah negara akan lumpuh sekali gus mengakibatkan kerugian RM32.3 bilion bagi pendapatan eksport produk berkaitan bahan itu.

Timbalan Pengerah Pusat Penyelidikan Hortikultur Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian (MARDI), Dr. Farah Farhanah Haron berkata, tanaman itu dikenal pasti sebagai pembawa penyakit Hawar Daun Amerika Selatan (SALB) yang boleh menyebabkan tanaman getah muda menjadi terbantut.

"Risiko serangan spora ataupun kulat SALB ini lebih tinggi jika guarana ini ditanam berdekatan dengan kawasan ladang getah. Cuaca lembap dalam negara kita pula membolehkan penyakit ini merebak dengan pantas.

"Amat menyedihkan apabila masih ada negeri meneruskan pembangunan tanaman guarana. Jika sayangkan negara, pihak terlibat perlu mendapatkan nasihat Jabatan Pertanian bagi mengelakkan situasi menjadi lebih buruk," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, *Utusan Malaysia* mendedahkan tindakan licik seorang individu bergelar 'Da-

tuk' dipercayai memperdayakan ratusan petani untuk membangunkan tanaman guarana di beberapa buah negeri walaupun Jabatan Pertanian masih belum memberi kelulusan.

Mengulas lanjut, Farah Farhanah berkata, golongan petani perlu memastikan tanaman yang ingin diusahakan mestilah mendapat kelulusan daripada Jabatan Pertanian serta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dengan melalui beberapa prosedur tertentu.

Katanya, hal itu bagi memastikan setiap benih tanaman yang ingin diusahakan mematuhi syarat ditetapkan kerajaan selain

mengelak wabak penyakit berbahaya yang mampu mengancam keselamatan makanan dalam negara.

Sementara itu, Felo Penyelidik Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Fatimah Mohamed Arsyad berkata, keselamatan makanan dalam negara dikhuatiri terancam sekiranya penyakit SALB tidak dikawal dengan baik.

Menurut Fatimah, hal itu kerana SALB mampu menyebabkan kerosakan berantai terhadap beberapa tumbuhan lain sekali gus memberi kesan kepada serangga yang menjadi agen pendebungaan.



FARAH FARHANAH



FATIMAH MOHAMED ARSYAD

Headline	Wong Tack flying to Zheng Zhou promoting Bentong musang king brand		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau (East Coast)		
Date	19 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	6,000
Page No	B2	Readership	18,000
Language	Chinese	ArticleSize	547 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,077
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,232



黄德飞郑州招商促销榴梿节

冀打响文冬猫山王品牌

(文冬 18 日讯) 配合 7 月 12 至 14 日一连三天的文冬榴梿节，希盟行动党文冬区国会议员黄德昨晚特飞往中国郑州，以招商和促销文冬生态旅游。

其特别助理谭大新昨晚代表他出席文冬安乐园

乐龄俱乐部欢庆成立 21 周年宴上致词说，黄德希望榴梿节能吸引中国游客到文冬观光和消费，并提高文冬猫山王品牌。宴会筵开 10 席。

谭大新也揭露，中国国家质量监督检验检疫局上月 23 日走访文冬与劳勿榴梿加工厂，探讨西彭整粒状鲜冻榴梿输华的可行性。

打造榴梿旅游景点

他说，实际上，我国农业与农基工业部及旅游文化部经联合拟定“榴梿攻略”，把劳勿、檳州及新山打造成榴梿旅游景点。

他希望文冬榴梿业者加把劲，把握商机，让文冬猫山王风靡中国。他也代表黄德和美

律州区议员李政贤宣布拨款各 1000 令吉作为该部活动基金。

该部主席余请金指出，安乐园于 24 年前成立时，华裔人口达 40%，如今因华裔不断的迁离，仅剩 25%，造成该部许多部友失去联系，影响会务发展。

秘书莫关来希望大家集思广意，在宴上踊跃提出意见，而不是在外面争论。

财政刁玉珍指出，该部经济状况稳健，去年旅游次数不多，希望今年举办更多旅游活动，让部友增广见闻和促进联系。



谭大新 (右二) 颁发幸运奖，右为刁玉珍，左二莫关来。

123 awak-awak warga Vietnam ditahan ceroboh perairan negara

PUTRAJAYA - Seramai 123 awak-awak warga Vietnam ditangkap dan sebanyak 25 buah bot nelayan ditahan menerusi Ops Naga yang dilakukan di perairan Pahang, Terengganu dan Kelantan pada 2 hingga 16 Mei lalu.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam satu kenyataan berkata, tangkapan itu adalah hasil pemeriksaan ke atas 266 vesel melalui operasi bersepadu yang diketuai oleh Maritim Malaysia (APMM) bersama beberapa pasukan keselamatan lain.

Selain APMM, operasi itu turut melibatkan agensi keselamatan lain seperti Tentera Laut



SEBUAH bot nelayan warga Vietnam yang ditahan oleh pasukan TLDM dalam operasi di perairan Kuantan, Pahang pada 3 Mei lalu.

Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia, Pasukan Polis Marin, Pasukan Gerakan Udara dan Jabatan Perikanan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan tanpa kebenaran daripada Ket-

ua Pengarah Perikanan dan Akta Imigresen 1959/1963 kerana memasuki Malaysia tanpa dokumen perjalanan yang sah," kata kenyataan itu di sini semalam.

Menurut KDN, operasi itu akan diteruskan bagi memastikan perairan negara tidak terus dic-

erobohi dan nelayan tempatan dapat menjalankan aktiviti tanpa gangguan dan saingan daripada nelayan asing.

Penubuhan pasukan khas itu diumumkan Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 24 April lalu yang antaranya bertujuan menangani aktiviti bot nelayan asing terutamanya bot nelayan Vietnam daripada terus berleluasa di perairan negara.

Dengan penubuhan pasukan khas itu, dua jawatan Kuasa kecil dibentuk iaitu Jawatankuasa Penguatkuasa Undang-Undang dan Jawatankuasa Dasar dan Perundangan. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2019	SUNDAY STAR	NATION	12

Joint task force scores big success

25 foreign vessels fishing in M'sian waters detained

By AUSTIN CAMOENS
austin@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The recently formed multi-ministry joint task force to check encroachment by foreign fishermen, especially from Vietnam, is a big success.

In just two weeks, the authorities detained 25 Vietnamese vessels caught fishing in waters off Pahang, Terengganu and Kelantan.

The vessels were detained during Ops Naga which involved the Malaysian Maritime Enforcement Agency, Royal Malaysian Navy, Royal Malaysian Air Force, police and Fisheries Department.

Besides scouring the waters for illegal foreign vessels, the operation also involved patrolling the airspace.

"During the period, a total of 266 vessels were inspected and 25 were found to be encroaching into Malaysian waters. The vessels were detained and their 123 crews were arrested," the Home Ministry said.

It added that the crews were being investigated under Section 15(1)(a) of the Fisheries Act 1985 for fishing without the consent of the Fisheries director-general, as well as under the Immigration Act for entering Malaysia without proper documentation.

The Home Ministry is the lead min-

istry of the task force which comprises the Agriculture and Agro-based Industry Ministry, Defence Ministry and Foreign Ministry.

The formation of the task force was announced on April 24.

The ministry said the task force also raided a house, which location was not disclosed, believed to be conducting tonto activities, based on the discovery of high-frequency radio communication devices.

"We will continue with Ops Naga to ensure our waters are not intruded and local fishermen can conduct their activities without competition or disturbance from foreign fishermen," it said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2019	MINGGUAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	69

Isu pencerobohan nelayan di perairan negara

Malaysia-Vietnam cari jalan penyelesaian

Oleh **MOHD. SHARIZA ABDULLAH**
 pengarang@utusan.com.my

■ **KUANTAN 18 MEI**

ISU pencerobohan bot nelayan Vietnam di perairan negara ini akan dapat ditangani dengan lebih berkesan selepas kedua-dua buah negara memeterai memorandum persefahaman (MoU) berhubung perkara berkenaan yang dijangka pada hujung tahun ini.

Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, Malaysia dan Vietnam menyatakan persetujuan untuk menguruskan isu berkenaan ketika beliau melakukan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Xuan Phuc dan mengadakan mesyuarat dua hala dengan Timbalan Perdana Menteri Vietnam, Pham Binh Minh yang juga Menteri Luar negara tersebut dua hari lalu.

Katanya, perbincangan lanjut mengenai kaedah yang ingin dilaksanakan ke arah menandatangani MoU itu akan dibincangkan Julai ini pada mesyuarat melibatkan pegawai kanan Kementerian Luar kedua-dua buah negara.



Perbincangan lanjut mengenai kaedah yang ingin dilaksanakan ke arah menandatangani MoU itu akan dibincangkan Julai ini pada mesyuarat melibatkan pegawai kanan Kementerian Luar kedua-dua buah negara."

SAIFUDDIN ABDULLAH
Menteri Luar

"Kita menasaskan butiran lengkap mengenai MoU berkenaan dapat dimuktamadkan menjelang hujung tahun ini," katanya selepas mempengerusikan Majlis Perundingan Parlimen Indera Mahkota Kali Kedua di Kompleks Dagangan Mahkota, di sini hari ini.

Menurut Saifuddin yang juga Ahli Parlimen Indera Mahkota, isu pencerobohan nelayan Vietnam berlarutan sejak sekian lama dan mesti ada kaedah lain untuk menyelesaikannya secara lebih efisien.

Kata beliau, rekod menunjuk-

kan sejak 2006, sebanyak 748 bot nelayan Vietnam ditahan dan disita oleh agensi penguatkuasaan Malaysia serta seramai 7,203 nelayan negara itu ditahan.

Tambahnya, beliau sudah menyuarakan pandangan kepada Vietnam bahawa Malaysia tidak memperoleh sebarang faedah dengan penahanan bot nelayan negara berkenaan.

"Lokap kita pun penuh dan kita terpaksa menanggung kos seperti makanan untuk tahanan. Vietnam bersetuju kita tidak boleh teruskan seperti itu dan mesti ada kaedah lain," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2019	METRO AHAD	SETEMPAT	24



SAIFUDDIN (tiga dari kiri) ketika mengadakan pertemuan dengan Majlis Perundingan Parlimen Indera Mahkota kali ke 2 di Kompleks Dagangan, semalam.

METERAI MoU

Usaha atasi pencerobohan nelayan Vietnam

Mohamad Azim Fitri Abd Aziz
azimfitri@hmetro.com.my

Kuantan

Kerajaan menjangkakan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Vietnam sebagai usaha membanteras pencerobohan nelayan negara itu ke perairan negara.

Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah berkata, MoU itu dijangka dimeterai hujung tahun ini selepas beberapa mesyuarat dan perbincangan diadakan bersama rakan sejawatannya.

"Negara kita mempunyai MoU dengan Indonesia dan langkah menandatangani MoU dengan Vietnam adalah tepat pada masanya bagi menyelesaikan masalah dihadapi masa ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas

mempengerusikan Majlis Perundingan Parlimen Indera Mahkota Kali Ke-2 di Kompleks Dagangan Mahkota, di sini, semalam.

Saifuddin yang juga Ahli Parlimen Indera Mahkota berkata, lawatannya ke Vietnam, kelmarin, membangkitkan isu kekerapan pencerobohan nelayan Vietnam ke perairan negara.

Katanya, perbincangan dua hala antara beliau dengan Timbalan Perdana Menteri Vietnam, Pham Binh Minh, yang juga Menteri Luar negara bersetuju mencari kaedah baru selain menggunakan tindakan penguatkuasaan terhadap nelayan yang penceroboh.

"Beliau bersetuju untuk bersama cari kaedah lain. Kami tangkap, dakwa dan hantar pulang menelan belanja tinggi, begitu juga dengan

bot disita menyebabkan kawasan menjadi lebih sesak. Saya fikir kita perlu ada kaedah lain dan akan diputuskan kemudian.

"Kerajaan Vietnam juga setuju untuk menasihati dan mendidik nelayan mereka mengenai isu ini," katanya.

Beliau berkata, sejak 2006 hingga kini, 748 bot nelayan Vietnam ditahan dan daripada jumlah itu 7,023 nelayan mereka ditangkap dan dikenakan tindakan.

Sementara itu, Saifuddin berkata, lawatan itu membincangkan hubungan perniagaan dan peluang baru yang boleh diterokai antara kedua-dua negara.

Katanya, bidang Artificial Intelligence (AI) atau kecerdasan buatan dan teknologi robotik turut dibincangkan dalam pertemuan empat mata itu.

FAKTA

Malaysia, Vietnam setuju cari kaedah lain banteras pencerobohan

MoU dengan Vietnam atasi pencerobohan nelayan

Kuantan: Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Vietnam dalam usaha membanteras kes pencerobohan perairan negara oleh nelayan negara terbabit.

Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata cadangan itu antara dibincangkan ketika melakukan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Xuan Phuc dan mengadakan mesyuarat dua hala dengan Timbalan Perdana Menteri Vietnam, Pham Binh Minh, yang juga Menteri Luar negara itu, dua hari lalu.

Beliau berkata, Malaysia sudah mempunyai MoU dengan Indonesia dan langkah untuk menandatangani MoU dengan Vietnam difikirkan cara terbaik bagi mengatasi isu ini daripada berterusan.

"Kalau kita tengok kepada rekod yang ada, sejak 2006 hingga hari ini, sebanyak 748 bot nelayan Vietnam ditahan dan disita oleh agensi penguatkuasaan kita.

Tanggung kos tinggi

"Daripada jumlah (bot) itu, seramai 7,203 nelayan mereka (Vietnam) ditahan dan ada antaranya sudah atau sedang dihicarakan, dan ada yang sudah dikenakan tindakan (hukuman).

"Isunya ialah tugas ini (penguatkuasaan) memerlukan kos, kos kita menangkap (bot) mereka dan mengenakan tindakan seperti tahanan di lokap memerlukan kerajaan menanggung kos makan setiap tahanan... jadi kalau boleh kita cari jalan untuk atasi masalah ini daripada berterusan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas mempengerusikan Majlis Perundingan Parlimen Indera Mahkota Kali Ke-2 di Kompleks Dagingan Mahkota, dekat sini, semalam.

Jalankan perbincangan lanjut

Yang turut hadir, Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Mohamed Noor Yusof Ali dan Ketua Seksyen Perhubungan Awam dan Korporat Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), NorKamawati Kamal.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Saifuddin yang juga ahli Parlimen Indera Mahkota berkata, perbincangan lanjut mengenai kaedah melaksanakan MoU itu akan dibincangkan bulan Julai ini ketika mesyuarat membabitkan pegawai kanan Kementerian kedua negara.

Katanya, butiran lengkap mengenai MoU berkenaan dijangka dapat dimuktamadkan sebelum hujung tahun ini dalam pertemuan antara beliau dan Binh Minh.

Headline	Over 100 illegal fishermen from Vietnam arrested within half month		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	19 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A14	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	172 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,017
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,050



半个月捕逾百名非法越南渔民

布城18日讯 | 内政部透露，在2019年5月2日至16日期间进行的执法行动中，共有123名越南籍渔民被逮捕，25艘越南船只被充公。

内政部发文告表示，该执法行动由大马海事执法机构（APMM）领导，与其他相关机构，在彭亨、登嘉楼及吉兰丹海域及陆空进行了巡逻和执法行动，共检查了266艘船。

文告说，参与这项执法行动也包括了大马皇家海军部队、大马皇家空军部队、警察飞行部队（PGU）、大马皇家警察及大马渔业局。

文告说，执法行动都是根据《1985年渔业法令》第15（1）（a）条文，也就是没有获得渔民发展局总监的批准下捕鱼及《1959/1963年移民局法令》，因为没有持有有效的文件进入我国下而被调查。

文告表示，这项执法行动将会持续进行，以确保我国不会被非法渔民入侵。

文告说，在今年4月29日，内政部长丹斯里慕尤丁、农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育、国防部副部长刘镇东联合召开记者会宣布成立一个以内政部为首的特工队，打击入侵我国海域捕捉海产的外国渔船。

该特工队也成立2个小组委员会，也就是执法委员会和政策和法律委员会。

文告补充，大马海事执法机构与移民局在周二进行的一项行动中也逮捕了15位越南渔民。

Headline	25 fishing boats detained, 123 Vietnamese arrested		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	19 May 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	2	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	134 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 374
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,121



25 fishing boats detained, 123 Vietnamese arrested

PUTRAJAYA: A total of 123 Vietnamese fishing crew members and 25 boats were detained by Malaysian authorities during an operation, codenamed "Ops Naga", conducted in waters off Pahang, Terengganu and Kelantan between May 2 and 16.

The Home Ministry, in a statement, stated that the boats were among 266 vessels inspected during the integrated operation headed by the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA).

Other agencies involved in the operation were the Royal Malaysia Navy (RMN), Royal Malaysian Air Force (RMAF), the Marine police, the police and the Fisheries Department.

"The cases are investigated under Section 15 (1) (a) of the Fisheries Act 1985 for

conducting fishing activities without the permission of the Fisheries Director-General and the Immigration Act 1959/1963 for entering Malaysia without valid travel documents," it said.

The ministry said following the success, "Ops Naga" would continue to be conducted against encroachment by foreign boats.

Last April 24, Home Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said a multi-ministry task force would be set up to resolve the encroachment of foreign fishing vessels into Malaysian waters.

Meanwhile, in an operation conducted by MMEA and the Immigration Department last Tuesday, the ministry said 15 Vietnamese fishermen were detained for not having valid personal identification documents. - Bernama

Cubaan seludup 50 ekor ikan *flower horn* gagal

PUTRAJAYA 18 Mei - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) berjaya menggagalkan cubaan menyeludup 50 ekor ikan *flower horn* dianggarkan bernilai RM1,200 dari Thailand, semalam.

Menurut MAQIS, kejayaan itu hasil kerjasama strategik dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Jelasnya, rampasan dibuat di laluan motosikal Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam, Kedah.

Katanya, ikan *flower horn* daripada spesies Genus *Cichlasoma* merupakan satu daripada 16 spesies yang dilarang import ke Malaysia.

“Keunikan ikan *flower horn* itu menyebabkannya mendapat permintaan tinggi dalam kalangan peminat ikan hiasan di negara ini.

“Ikan *flower horn* jenis ini bersifat lasak termasuk ‘mengadaptasi’ di kawasan dilanda banjir, mudah membiak dan mempunyai tabiat makan yang aktif.

“Spesies ini boleh mengang-

gu ekosistem sekiranya ikan *flower horn* tersebut dibuang ke sungai,” jelasnya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut MAQIS lagi, perbuatan mengimport ikan terbabit tanpa mempunyai permit yang sah merupakan kesalahan di bawah seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), akta yang sama.

Katanya, jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

“Akta 728 ini digunapakai bagi memastikan kawalan penyakit ikan terkawal atau dicegah sebelum mengancam industri pertanian negara.

“MAQIS sentiasa bersedia sedia bagi memastikan tiada sebarang kemasukan ikan larangan yang tidak mempunyai sebarang dokumen yang sah ke dalam negara,” jelasnya lagi.



SEBAHAGIAN ikan *flower horn* yang berjaya dirampas oleh MAQIS dengan kerjasama JKDM di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam, Kedah, kelmarin.

Headline	Geraman Jamit petani fertigasi gigih		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	19 May 2019	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	1772 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,613
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 19,838



Geraman Jamit petani fertigasi gigih

ATI SAFARMAN

BERMULA dengan 16 pokok cili yang ditanam secara konvensional di kebun dekat Meruji Ulu Krin, Sarawak, Geraman Jamit, 43, kini gigih mengagalkan projek tanaman cili dengan teknik fertikasi.

Geraman, seorang guru, kini memiliki 1,300 pokok cili besar dan 450 cili padi itu mengukir tidak menyangka usahanya itu mampu memberikan pelanggan agak lumayan.

Ketika awal penghabitan terdapat pelbagai halangan serta cabaran untuk memulakannya, Harakah lagi bergerak secara solo. Namun itu tidak mematahkan semangat beliau untuk terus bertani pada tanah.

Kurusi enjuran pebagai pihak mula disertai bagi memantapkan pengetahuan. "Saya mula minat menanam cili menggunakan kaedah fertikasi pada hujung tahun 2017. Ekoran selalu membaca artikel berkaitan bioekoran, saya terus tertarik dengan kaedah menanam cara fertikasi walaupun pada masa itu pengalaman agak cecah," kata beliau.

Disebabkan minat yang mendalam, Geraman meminta seorang rakan yang juga bertugas sebagai seorang



HASIL pada minggu pertama bagi cili besar lebih kurang 100 kilogram, manakala cili padi sekitar 65 kg.



HARGA bioteknik akan berikhtisar RM10 hingga RM150 sesetengah cili besar manakala cili padi pada April RM12 hingga RM15.



GERAMAN Jamit menunjukkan hasil tanaman cili yang ditanam beliau.

guru untuk mengajarnya tentang kaedah fertikasi dan kemudian mula menanam 16 pokok cili menggunakan kaedah tersebut. Geraman tidak menyangka bahawa kebun kecil tersebut telah memberikan hasil yang sungguh lumayan dan ini menyebabkan beliau semakin bersemangat dan memajukan kebun yang lebih luas seperti sekarang.

Melihat hasil yang memuaskan hati dia dipai pula banyak permintaan sama ada dari orang kampung mahupun pejabat berdekatan. Tanaman mula berikhtisar secara seronok untuk meng-

hasilkan cili secara meluas. Kawasan kebun yang terlekat lebih jauh daripada Kamah Matale. Menurut itu sangat luas. Bertolakkan lima orang dikalng melakal karsana anjutan pelbagai pihak termasuk Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian (MARDI), beliau berkecual memulakan usaha dengan keluasan seluas 0.5 ekar.

"Kebitikan itu cukup memuaskan 1,300 pokok cili besar dan 450 cili padi," kata beliau.

MODAL Geraman mengeluarkan modal sebanyak RM10,000

untuk membina sistem fertikasi yang lengkap iaitu menggantung antaranya tangki air baja, pam air, pengukur masa, sabut kelapa, penapis, injap, paip polikarbon, injap dan kebanyakannya membebankan tapak.

"Semua kerja memang memelihara modal. Begitu juga cara bebekun fertikasi. Walaupun begitu, jangan mengabaikan masalah ini sebagai penghalang ramai jaja," kata beliau.

Nasihat Geraman, sekiranya modal tidak mencukupi, sebarang hasil bermula bebekun dengan skala kecil.

"Sekiranya kita telah mendapat pulangan hasil tanaman tersebut, kita boleh membebankan modal untuk memulakan kebun yang sedia ada," ujar Geraman. Tambahnya, harga botong cili kini berharga RM6 hingga RM8 sekilogram bagi cili besar manakala cili padi pada diuji RM12 hingga RM15. 5 Februari beliau lagi, penanaman cili secara fertikasi ini turut menghadapi cabaran rakan halagannya yang teresendat.

CABARAN "Cabaran adalah penyakit cili seperti serangga serangga perosak seperti lalat buah, ulat

pokok dan hama yang sering menyerang melalui musim hujan. Penyakit ini boleh membuatkan tanaman hasil tanaman cili sekiranya tidak dijaga dengan baik," katanya. Geraman berkata, hasil pertama dibuat setelah lebih kurang dua minggu tanaman selepas penanaman dilakukan. Ketika ditemui juga, beliau turut memberi nasihat dan melabikan harapan untuk mempromotkan lagi projek tanaman ini pada masa akan datang.

"Projek tanaman cili ini boleh bagi pendekatan layanan. Tapa perlu buat banyak. Kalau buat sedikit, tak berbaloi. Saya berharap agar saya dapat jadi pembekal anak, berkah dan juga sebagai pengajar sekiranya boleh kata beliau.

Mengulas perancangan

maya hadapan, Geraman berkata, beliau akan membuka tapak baru di sebelah tapak sedia ada.

Keluaran yang hampir sama membolehkannya menanam 2,000 pokok cili setiap minggu dan akan menghasilkan hasil lumayan.



GERAMAN Jamit kini gigih memulakan projek tanaman cili menggunakan teknik fertikasi.



GERAMAN tidak menyangka bahawa kebun kecil tersebut telah memberikan hasil yang sungguh lumayan sehingga kini.



GERAMAN menggunakan modal sebanyak RM40,000 untuk memulakan projek tanaman cili yang lengkap.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/5/2019	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1

SUSULAN LAPORAN LUMPUR SEKAT REZEKI NELAYAN

KAPAL PUNCA PANTAI BERLUMPUR

Pergerakan ratusan kapal dagang di Selat Melaka setiap hari menyebabkan tanah dan pasir di dasar laut tertolak naik sebelum gelombang yang dihasilkan membawanya ke pantai menghasilkan pemendapan pasir dan lumpur. Pakar hidrografi mencadangkan kerajaan menuntut pampasan antarabangsa dan menggunakannya bagi membiayai kos pemuliharaan kawasan terjejas

→ Ms.6/7



EKSKLUSIF

(FOTO MUHAMMAD ZUHAIRI ZUBER/ BH)



Perkara ini sudah berlaku puluhan tahun, dan perlu diingat jumlah kapal melalui Selat Melaka semakin bertambah dan saiznya juga semakin besar. Faktor itu kita tak boleh nafikan penyebab fenomena ini terus berlaku

- Dr Faizul Amri Adnan, ADUN Seremban, Johor yang juga bekas Pensyarah kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UTM



Maklumat langsung pergerakan kapal melalui Selat Melaka seperti yang disiarkan menerusi sesawang marinevesseltraffic.com



Antara kapal dagang yang melalui Selat Melaka.

MUARA CETEK HALANG LALUAN BOT

Ombak buatan jejas dasar, ekosistem laut

● Gelombang kapal menolak pasir, tanah di dasar hingga ke pesisir pantai

Oleh **Badrul Kamal Zakaria**
dan **Mohd Aizat Shamsuddin**
bhnews@bh.com.my

► **Tangkal**

Kadaan Selat Melaka yang menjadi laluan kapal paling sibuk di dunia, menjadi antara faktor penyumbang kepada hakisan pantai, seterusnya menyebabkan pelbagai isu alam sekitar, termasuk kejadian muara diliputi lumpur hingga menjejaskan kehidupan nelayan.

Kapal dagang bersaiz besar yang membawa pelbagai muatan ini, sebenarnya turut mencetuskan gelombang dikenali sebagai ombak buatan.

Pakar Hidrografi dan Reka Bentuk Kapal, Dr Faizul Amri Adnan, berkata kesibukan aktiviti perkapalan di Selat Melaka mempunyai kesan dan pengaruh yang besar kepada kedudukan pantai dan muara di sebelah pantai barat Semenanjung Malaysia yang hanya dipisahkan laluan perairan sempit dengan Pulau Sumatera.

"Jumlah kapal yang banyak menghasilkan gelombang ini, ditambah keadaan arus laut yang semula jadi



Kesibukan aktiviti perkapalan di Selat Melaka mempunyai kesan dan pengaruh yang besar kepada kedudukan pantai dan muara di sebelah pantai barat Semenanjung Malaysia"

Faizul Amri Adnan,
Pakar Hidrografi dan
Reka Bentuk Kapal

deras menyebabkan fenomena di mana keadaan muara atau kuala ini sekitar Muar dan Tangkak di sini, menjadi lebih cepat oetek berbanding kawasan lain di bahagian lebih ke utara.

"Perkara ini sebenarnya sudah berlaku sejak puluhan tahun lamanya dan perlu diingatkan juga jumlah kapal melalui Selat Melaka semakin bertambah, di samping saiz fizikalnya juga semakin besar itu perkara yang kita tak boleh dinafikan yang menyebabkan fenomena ini terus berlaku," katanya di sini.

Seatrade Maritime News yang memetik laporan Nippon Maritime Center (NMC), melaporkan trafik di Selat Melaka meningkat secara konsisten sejak 2011 hingga angka transit mencapai 84,456 kapal pada 2017.

Jumlah kapal yang melaporkan untuk transit kepada Sistem Trafik Perkapalan (VTS) Klang meningkat daripada 222 sehari pada 2015 kepada 231 sehari pada 2017, dengan 10 kapal memasuki atau meninggalkan Selat Melaka setiap jam atau sebuah kapal bagi setiap enam minit.

Faizul Amri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serom dan bekas pensyarah kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), berkata setiap jenis kapal akan menghasilkan gelombang sendiri, bergantung kepada saiz, berat dan kelajuannya.

"Gelombang atau ombak tiruan ini terbentuk mengikut bentuk kapal dan ditambah faktor kelajuannya. Kapal berbentuk segi empat menghasilkan gelombang agak besar berbanding yang tirus. Bagaimanapun kebanyakan kapal, khususnya yang membawa

muatan kontena berbentuk empat segi semuanya.

"Walaupun bergerak pada kelajuan antara 10 hingga 30 knot, kapal ini akan menghasilkan gelombang ombak sendiri. Lebih memburukkan keadaan, kapal bersaiz besar ini bukan sahaja menghasilkan gelombang di permukaan air tetapi membelah kawasan dasar yang membawa kepada pemendapan pasir atau tanah.

Gelombang permukaan air

"Berbeza dengan bot laju berbentuk tirus, kecil dan ringan, ia hanya menyebabkan gelombang terhasil di bahagian permukaan air sahaja," katanya.

Beliau berkata, pergerakan kapal dagang yang besar menyebabkan tanah dan pasir yang berada di dasar laut tertolak naik sebetul gelombang yang dihasilkan di kedua-dua sisi kapal menolaknya ke tepi hingga akhirnya sampai ke pesisir pantai.

"Perlu diingat bahawa semakin besar dan berat atau laju kapal itu maka semakin tinggi gelombang atau ombak tiruan yang dihasilkan. Paling dibimbangi adalah jumlah kapal yang melalui Selat Melaka kini mencecah ribuan setahun dan ia bukan merangkumi dua laluan pergi dan balik (utara selatan) sahaja tetapi sudah membentuk tiga hingga empat laluan di perairan itu.

Faizul Amri berkata, selain itu keadaan fizikal Selat Melaka yang sempit dan mempunyai kedalaman yang agak cetek juga sebenarnya memburukkan lagi hakisan yang berlaku di pantai negara ini.

"Dahulu perkara ini belum serius kerana jumlah kapal yang melaluinya

tidak sebanyak pada hari ini dan kapal pada waktu itu juga saiznya agak kecil. Jadi bayangkanlah kapal-kapal besar dan banyak ini yang bergerak pergi dan balik yang kemudiannya memberi impak kepada kawasan pantai kita hari ini," katanya.

Selain itu, beliau berkata, satu lagi perkara yang boleh memberi ancaman kepada kelestarian negara ini adalah wujudnya satu ketidakseimbangan pemertumbuhan serta kehidupan akuatik asing yang boleh memberi kemudahan daripada aktiviti perkapalan ini.

"Setiap kapal memerlukan berat muatan tertentu untuk badannya tenggelam bagi membolehkan ia belayar dengan lebih cekap. Jika bergerak dengan membawa muatan barang itu mungkin tiada masalah tetapi bagaimana dengan kapal yang tidak membawa sebarang muatan atau kosong ketika dalam perjalanan balik dari atau ke sesuatu destinasi?"

"Di sini akan timbul masalah baharu kerana biasanya kapal ini terpaksa mengisi air laut dari destinasi terakhir mereka menurunkan barang muatan bagi memastikan berat kapal mencukupi untuk pelayaran yang cekap. Isunya, kapal ini akan menyedut sumber air daripada pelabuhan tempat mereka berhenti. Contohnya kapal dari Malaysia ini berhenti di Afrika Selatan dan untuk balik, jika tiada muatan, ia akan sedut air laut kawasan terbahit.

"Kemudian kapal itu akan belayar kembali ke Malaysia bersama air laut berkenaan dan apabila sampai, air itu akan dibuang ke laut di sini kerana akan mengisi semula muatan barangan berkenaan. Di situlah masalah baharu akan timbul," katanya.



Arus air di muara Sungai Ibai yang semakin cetek dan menghasilkan ting pasir apabila air surut.



Nelayan di Muar terpaksa menolak bot dengan menggunakan kayu akibat tersangkut di muara cetek.

Pembangunan jangka panjang tak terancang mengganggu sungai

Kuala Terengganu: Perancangan jangka panjang tidak bersepadu serta holistik disifatkan antara punca masalah muara cetek di Sungai Terengganu menjadi semakin kritikal.

Penyarah Pusat Pengajian Sains Marin & Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Madya Dr Edlic Sathiamurthy, berkata sejak beberapa tahun kebelakangan ini masalah muara sungai cetek menjadi serius ditambah dengan pembangunan di kawasan pesisir Sungai Terengganu.

"Sejak Empangan Kenyir dibina, aliran air sungai menjadi perlahan menyebabkan mendapan pasir dan selut berlaku kerana tidak cukup air untuk membawanya hingga ke laut.

Sungai makin cetek

"Masalah ini dapat dilihat di Pulau Duyong yang sungainya menjadi semakin cetek, ditambah lagi dengan adanya Jambatan Sultan Mahmud yang menjadi halangan kepada aliran air.

"Malah sejak tahun kebelakangan ini, masalah mendapan menjadi semakin serius apabila muara Sungai Terengganu diubah untuk memberi laluan kepada pembinaan projek Pusat Bandar Raya Kuala Terengganu (KTCC)," katanya.

Beliau menyifatkan muara sungai cetek adalah isu besar kerana boleh menjejaskan pendapatan nelayan disebabkan bot tidak dapat keluar masuk ke pangkalan kerana halangan mendapan.

"Muara cetek juga boleh menyebabkan banjir besar apabila aliran sungai terhalang. Selain itu juga masalah hakisan pantai juga boleh menjadi semakin serius," katanya.

Justeru, beliau berharap kerajaan negeri dan Persekutuan perlu duduk bersama pakar dalam pelbagai bidang untuk mengatasi masalah ini agar penyelesaian jangka panjang dapat dilakukan.



Sejak Empangan Kenyir dibina, aliran air sungai menjadi perlahan menyebabkan mendapan pasir dan selut berlaku kerana tidak cukup air untuk membawanya hingga ke laut"

Edlic Sathiamurthy,
Penyarah Pusat Pengajian Sains Marin & Sekitaran, UMT

KL perlu bertindak tuntutan pampasan

Kuala Lumpur: Malaysia perlu bertindak mendapatkan pampasan antarabangsa untuk digunakan bagi mengatasi masalah alam sekitar, termasuk pencemaran, hakisan serta muara sungai tertutup yang berpunca daripada aktiviti perkapalan di Selat Melaka.

Pakar Hidrografi dan Reka Bentuk Kapal, Dr Faizul Amri Adnan, berkata etika ini, Selat Melaka sudah menjadi laluan perkapalan antarabangsa yang paling sibuk di dunia.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serem, Johor, berkata tindakan mendapatkan pampasan itu perlu kerana aktiviti perkapalan di Selat Melaka adalah antara faktor penyumbang kejadian hakisan serta muara sungai tertutup hingga menjejaskan ekonomi dan kehidupan nelayan serta ekosistem perairan negara.

"Kita perlu ketengahkan segerakan isu ini untuk perhatian masyarakat antarabangsa termasuk bayaran pampasan kepada negara-negara terbabit melalui pihak antarabangsa sama ada dari Organisasi Maritim Antarabangsa (IMO),

syarikat perkapalan atau sebagainya.

"Pampasan ini perlu diusahakan bagi tujuan melindungi dan memulihara alam sekitar demi manfaat generasi akan datang. Ini kerana kita adalah negara yang membenarkan laluan perkapalan ini dan ia bukan untuk milik kita sahaja tetapi juga kapal antarabangsa lain yang datang dari seluruh dunia," katanya.

Cadangan kenakan bayaran

Semakan BH mendapati, cadangan mengenakan bayaran terhadap kapal yang melalui Selat Melaka bukan perkara baru, sebaliknya pernah menjadi agenda perbincangan hangat membabitkan Malaysia, Indonesia dan Singapura pada sekitar 1970-an.

Jurnal ditulis Amriah Buang dari Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang disiarkan pada 2006, mendedahkan pada 1971, Malaysia mencadangkan levi dikenakan terhadap semua kapal melalui Selat Melaka tanpa mengira saiznya, ma-

nakala Indonesia mencadangkan supaya kapal tangki minyak melebihi berat penuh 200,000 tan dilarang menggunakan perairan itu.

Namun, dua cadangan terbabit ditolak Singapura yang khuatir langkah berkenaan mengurangkan bilangan kapal singah di pelabuhan negara itu.

Sementara itu, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, ketika berucap dalam Forum Kedua Kerjasama Antarabangsa Jalur Dan Laluan (BRF) di Beijing, China pada 26 April lalu, dilaporkan berkata, walaupun Selat Melaka dianggap selat antarabangsa tetapi komuniti antarabangsa meletakkan tanggungjawab menjaga kebersihan laut perairan itu kepada negara pesisir pantainya.

"Mereka (negara pesisir Selat Melaka) adalah komuniti yang menghadapi pencemaran. Mereka perlu ada sumber yang besar untuk membersihkan laut dan pantai masing-masing. Ini adalah sangat tidak adil kerana kebanyakan negara di pesisiran ini tidak mampu dan terpaksa menanggung beban yang besar ini," katanya.

Fakta nombor

231 KAPAL

menggunakan laluan Selat Melaka sehari, pada 2017

222 KAPAL

menggunakan laluan Selat Melaka sehari, pada 2015

Headline	Syed Saddiq gesa nelayan terima ugutan, ancaman lapor SPRM		
MediaTitle	Ismaweb (www.ismaweb.net)		
Date	19 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	8	Readership	3
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 750
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,250

Syed Saddiq gesa nelayan terima ugutan, ancaman lapor SPRM

Pencerobohan pukat tunda haram berlaku walaupun aduan dibuat
MUAR, 14 Ramadan 1440H, Ahad – Nelayan di kawasan Muar diminta menyalurkan maklumat serta bukti kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai dakwaan mereka diugut dan sengaja d...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Pukat tunda haram: Nelayan diugut setelah beri maklumat – Syed Saddiq		
MediaTitle	Malaysia Gazette (malaysiagazette.com)		
Date	19 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Pukat tunda haram: Nelayan diugut setelah beri maklumat – Syed Saddiq

MUAR – Nelayan di kawasan Muar diminta menyalurkan maklumat serta bukti kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tentang dakwaan mereka diugut dan sengaja ditahan pihak berkuasa laut setelah mengemukakan bukti mengenai pencerobohan bot p...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Pukat tunda haram: Nelayan diugut setelah beri maklumat		
MediaTitle	Selangorkini (https://selangorkini.my/)		
Date	19 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Pukat tunda haram: Nelayan diugut setelah beri maklumat

MUAR, 19 MEI: Nelayan di kawasan Muar diminta menyalurkan maklumat serta bukti kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tentang dakwaan mereka diugut dan sengaja ditahan pihak berkuasa laut setelah mengemukakan bukti mengenai penceroboha...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Illegal Trawlers: Fishermen asked to provide evidence of being threatened after giving info		
MediaTitle	Bernama(www.bernama.com)		
Date	19 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

Illegal Trawlers: Fishermen asked to provide evidence of being threatened after giving

MUAR, May 19 (Bernama) -- Fishermen in Muar were asked to provide information and evidence to the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) on allegations that they were threatened and deliberately detained by Marine authorities after submitting evidenc...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Illegal trawlers: Muar fishermen asked to provide evidence of being threatened after giving		
MediaTitle	Malay Mail(www.malaymail.com)		
Date	19 May 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	3	Readership	6
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,500
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,500

Illegal trawlers: Muar fishermen asked to provide evidence of being threatened after

MUAR, May 19 — Fishermen in Muar were asked to provide information and evidence to the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) on allegations that they were threatened and deliberately detained by Marine authorities after submitting evidence on the en...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***